

Pengurusan kewangan peribadi jadikan kursus wajib

Dari muka 1

Timbalan Dekan (Pengajian Siswa-zah dan Jaringan Industri & Masyara-kat), Fakulti Ekologi Manusia, Univer-siti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohamad Fazli Sabri, berkata pen-dekatan positif serta mesra pengguna adalah antara kaedah yang boleh di-gunakan khususnya bagi menarik minat golongan culas tegar menyelesaikan pembentukan pendidikan mereka.

Pakar kewangan peng-guna itu berkata, usaha berkenaan penting bagi mengurangkan peratusan peminjam culas tegar seperti melalui pemberian diskau, ganjaran dan aplikasi dompet elektronik (e-dompet), boost.

“Terdapat banyak inisiatif dilaksana PTPTN bagi membantu peminjam menyelesaikan pembentukan pinjaman mereka hingga-lah penyenaraian peminjam dalam Sis-tem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat (CCRIS), justeru perlu ada pendekatan positif khususnya untuk menarik minat peminjam culas tegar ini.

“Bagi saya alternatif mesra pem-injam seperti kaedah boost dan pembe-rian diskau perlu diperbanyak lagi kerana dapat membantu peminjam membuat bayaran balik selain meng-gunakan saluran sedia ada ketika ini,”

katanya ketika ditemui di UPM, di sini, baru-baru ini.

Dr Mohamad Fazli juga mengakui persepsi, kurang kesedaran dan kepri-hatinan menyebabkan ada segelintir pe-minjam yang enggan melunaskan pinja-man mereka, namun percaya kerajaan pasti mempunyai perancangan tersen-diri untuk menyelesaikan perkara ini.

Beliau berkata, badan bertanggungjawab juga perlu terus mempergiat-kan lagi usaha mempromo-si kepentingan menyelesaikan pinjaman pendidikan khususnya di media sosial.

“Pada pandangan saya, perlu ada pendekatan me-nyeronokkan dan sesuai untuk menarik minat pe-minjam culas tegar kerana mungkin mereka takut bila mendengar perkataan se-perti CCRIS, setidak-tidaknya dapat mengubah status

peminjam culas tegar kepada culas.

“Dalam konteks ini, semua pihak perlu memainkan peranan masing-ma-sing dan ibu bapa juga perlu merancang kewangan awal bagi tujuan pendidi-kan tinggi anak-anak seperti melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN),” katanya.

Mengulas lebih lanjut, Dr Mohamad Fazli turut mencadangkan agar subjek Pengurusan Kewangan Peribadi dijadi-kan kursus wajib pada semua peringkat program di universiti.



Prof Madya Dr Mohamad Fazli Sabri